

# Prof. Dr. Mohd Noor Ahmad

**Pada** kali ini MyKUKUM berkesempatan untuk menemuramah seorang tokoh yang disegani di KUKUM bagi mengisi ruangan Personaliti. Tokoh yang dimaksudkan ini ialah Prof. Dr. Mohd Noor Ahmad, Penyelaras Program Kejuruteraan Bio Proses & Alam Sekitar KUKUM. Pada masa artikel ini ditulis, nama Prof. Dr. Mohd Noor sering saja menjadi sebutan dan bualan pada setiap warga KUKUM. Apa tidaknya, Prof. Dr. Mohd. Noor adalah merupakan orang yang penting dan bertanggungjawab dalam membawa kejayaan KUKUM sebagai pemenang Pertandingan Biogenesis Challenge 2003, anjuran Kerajaan Negeri Melaka baru-baru ini.

Prof. Dr. Mohd. Noor dilahirkan pada 6 Mei 1949 di Kampar Perak hasil perkongsian hidup pasangan Ahmad Kimin dan Asiah Hj. Musa. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur dan pernah bertugas sebagai guru di sekolah yang sama selama 5 tahun sebelum berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM). Di USM beliau telah mencurahkan khidmat baktinya selama 23 tahun. Jadi tidak hairanlah mengapa beliau kini merupakan aset yang penting bagi KUKUM di atas pengalamannya selama ini. Prof. Dr. Mohd Noor telah mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains di Universiti Gajah Mada, Indonesia pada tahun 1972 dan pada tahun yang sama berjaya memperolehi Diploma Pendidikan di Universiti Malaya. Kemudian pada tahun 1978 sehingga 1982 beliau telah menghabiskan pengajian di peringkat Ph.D dalam bidang "Electrochemistry" di Universiti New Castle Upon Tyne, UK.

Prof. Dr. Mohd. Noor telah mendirikan rumahtangga dengan Puan Zainin Hasan Basri dan sebagai seorang ayah kepada 6 orang cahayamata (2 putera dan 4 puteri) beliau begitu mengambil berat mengenai hal ehwal keluarganya terutama dalam memastikan kejayaan akademik mereka.

Masa lapang Prof. Dr. Mohd Noor banyak dihabiskan dengan aktiviti kegemarannya iaitu mengembara dan juga bersukan. Prinsip dan falsafah hidupnya adalah mudah tetapi begitu bererti iaitu "Masa Adalah Kehidupan". Jika dilihat dari raut wajahnya jelas kelihatan beliau begitu tenang dan seorang yang lemah lembut serta berhemah. Ini membuatkan semua orang senang dan mudah untuk mendekati beliau.

Sebagai seorang yang boleh dianggap berpengalaman luas dan berjaya dalam hidup, beliau yakin KUKUM mempunyai masa depan yang cukup cerah sebagai sebuah universiti kejuruteraan. Menurut beliau banyak aktiviti akademik dan penyelidikan boleh dilaksanakan di sini termasuklah pengkomersialan produk-produk R&D yang masa kini terkenal sebagai "*technopreneurship*" usahawan tekno dan masih baru di negara kita. Beliau juga berpendapat bahawa lokasi kampus ini yang bersempadan dengan Thailand adalah sangat strategik bagi aktiviti serta program kerjasama dua hala. Kepada warga KUKUM, beliau mengharapkan agar kita semua bersedia dan bersama-sama menyahut cabaran ini dan beliau begitu yakin yang matlamat ini akan berjaya.

